Nama: .................................................... Kelas: .............................. Tarikh: ..............................

## PT3 Praktis 6: Kata Terbitan

Buku Teks: m.s. 103

### Bahagian A

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang *paling sesuai.*

1 Cikgu Nazim ________ khabar ayah saya yang masih terlantar di hospital.
A ditanya
B bertanya
C menanya
D bertanyakan

2 Semua murid akan ________ lagu Negaraku semasa perhimpunan mingguan sekolah diadakan.
A menyanyikan
B dinyanyikan
C bernyanyi
D nyanyikan

3 Hujah-hujah yang bernas telah ________ oleh pemidato yang terakhir itu dengan penuh keyakinan.
A sampaikan
B kesampaian
C disampaikan
D menyampaikan

**Soalan 4** *berdasarkan gambar di bawah ini.*



4 Gunalan ________ anaknya memperkemas susunan pingat yang disimpan di dalam almari.
A diperhati
B perhatian
C diperhatikan
D memerhatikan

B. Ayat-ayat di bawah ini *mungkin betul* dan *mungkin salah*. Jika *terdapat kesalahan*, kesalahan itu telah ditandakan dengan *A*, *B*, atau *C* dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan *D*. Pilih jawapan yang *paling sesuai.*

1 <u>Permohonan</u> (A) pinjaman perumahan Encik Suresh telah mendapat <u>kelulusan</u> (B) daripada pihak pengurusan bank <u>berkenaan.</u> (C) <u>Tiada kesalahan.</u> (D)

2 Lawatan tersebut <u>diharapkan</u> (A) dapat <u>mempereratkan</u> (B) hubungan <u>persahabatan</u> (C) antara usahawan Malaysia dengan usahawan Indonesia. <u>Tiada kesalahan.</u> (D)

### Bahagian B

**Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat *satu kesalahan bahasa*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis jawapan* yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

(i) Kemerdekaan yang diperjuangkan oleh pemimpin terdahulu perlu diperingati dan dihargai oleh setiap warganegara Malaysia.

______________________________________________

(ii) Perlakuan yang bertentang dengan adab dan budaya setempat lazimnya menjadi buah mulut orang ramai.

______________________________________________

LIVEWORKSHEETS